

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 12/12/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 13
Tajuk : Abdul Fattah dilantik semula

Sinar Harian (m/s 13) 12/12/2018

Abdul Fattah dilantik semula

KUALA LUMPUR - Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah dipilih semula sebulat suara jawatan Presiden Asean Co-operative Organization (ACO) bagi tempoh 2018-2022.

Pemilihan itu dibuat pada Mesyuarat Tahunan Asean Cooperative Organisation (ACO), semalam.

Abdul Fattah dalam satu kenyataan berkata, Malaysia akan terus meningkatkan usaha menjalin kerjasama perdagangan dua hala bagi memasarkan produk dan perkhidmatan koperasi di kalangan negara Asean.

"Sejak Angkasa menerajui ACO, banyak pencapaian dalam bidang perdagangan dan hubungan di kalangan koperasi serantau juga terus dieratkan melalui pelbagai program," katanya.

Dalam mesyuarat itu, Singapura yang diwakili oleh Dolly Goh dan Indonesia yang diwakili oleh Insanial Burhanzah dipilih sebagai Naib Presiden ACO bagi penggal 2018-2022.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, dengan mandat baharu yang diberikan oleh delegasi negara-negara anggota, pihaknya akan terus menerajui jalinan kerjasama bagi mewujudkan rangkaian pemasaran dan membawa perdagangan koperasi ke peringkat global.

"Ini juga merupakan penghormatan dan kepercayaan kepada kepimpinan yang dibawa oleh Angkasa terhadap gerakan koperasi di Malaysia serta negara Asean.

"Negara anggota ACO juga telah bersetuju untuk memilih sekurang-kurangnya sepuluh produk masing-masing bagi dijadikan produk pasaran bersama sehingga ke peringkat global," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA